

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Peruntukan lebih rendah berbanding 2022

Unjuran jajaran inflasi tahun ini dinaikkan

Indeks harga pengguna (IHP), penanda aras utama inflasi bagi tahun ini disemak semula kepada lebih tinggi kepada 2.8 peratus hingga 3.8 peratus tahun ke tahun (yoy) berbanding 2.8 peratus hingga 3.3 peratus sebelum ini, demikian mengikut penganalisis.

Menurut TA Securities, sewaktu ucapan belanjawan Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan yang unjuran inflasi adalah sama dengan yang direkodkan pada 2022, 3.3 peratus.

"Tinjauan inflasi akan dipengaruhi oleh turun naik kadar pertukaran asing dan gangguan bekalan yang berpanjangan.

"Menurut Kementerian Kewangan (MOF), perubahan 1.0 peratus kadar pertukaran dan harga minyak mentah akan mempunyai kesan masing-masing 0.3 mata peratusan dan 0.1 mata peratusan terhadap inflasi," katanya dalam nota penyelidikan.

Mengulas lanjut firma penyelidikan itu berkata, selain sokongan fiskal, pihaknya percaya dasar monetari yang akomodatif akan terus menyokong pertumbuhan.

"Dengan memberi nafas baharu kepada data ekonomi domestik termasuk ramalan inflasi yang lebih kukuh membolehkan ruang untuk menormalisasi kadar faedah.

"Kami mengunjurkan yang Bank Negara Malaysia (BNM) akan terus menaikkan kadar dasar semalaman (OPR) kepada 3.25 peratus, kenaikan 50 mata asas (bps) lebih tinggi dari tahap semasa, dengan mengambil kira langkah yang telah diambil oleh Rizab Persekutuan AS.

"Ini menunjukkan dua kenaikan kadar faedah lagi tahun ini selepas menaikkan 100 bps tahun lalu. Mesyuarat MPC seterusnya dijadualkan pada 8-9 Mac ini," katanya.

Tambahnya, pembukaan sempadan China juga seharusnya baik untuk ekonomi negara.

"Penyambungan semula ketibaan pelancong dari China dijangka meningkatkan industri penerbangan, menghidupkan semula sektor pelancongan dan sektor runcit serta penginapan."

"Perkara yang merah manfaat adalah perdagangan global di mana pemulihan dalam aktiviti ekonomi China akan membantu meningkatkan permintaan global untuk barangan dan seterusnya, menyokong prestasi eksport Malaysia.

"Pada 2022, China adalah rakan dagangan terbesar Malaysia, yang masing-masing membentuk kira-kira 13.6 peratus dan 21.3 peratus daripada jumlah eksport dan import Malaysia," katanya.